

Lelaki rakam video punggung wanita dipenjara enam bulan

KUCHING: Seorang lelaki berusia 29 tahun dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret, semalam selepas mengaku bersalah mengaibkan kehormatan seorang wanita dengan merakam video punggung mangsa ketika Kuching Food Festival, 1 Ogos lalu.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Vincent Tan Kim Poh yang dituduh mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksamaan.

Seksyen berkenaan memperlakukan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukannya pada festival anjuran Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) di sini pada 1 Ogos lalu, sekitar jam 8.30 malam.

Mengikut fakta kes, seorang pengunjung festival menyedari seorang lelaki yang tidak dikenali (Tan), telah menggunakan telefon bimbitnya untuk merakam video dari bawah punggung seorang wanita.

Pengunjung itu kemudian memaklumkan kejadian tersebut kepada mangsa yang seterusnya membuat laporan polis sehingga membawa kepada

penangkapan tertuduh.

Siasatan mendapati tertuduh merakam mangsa secara rahsia ketika wanita itu sedang berjalan bersama suaminya untuk mencari tempat duduk bagi menjamu selera.

Polis turut menemui satu rakaman video dalam telefon bimbit tertuduh yang menunjukkan mangsa memakai seluar pendek putih, dengan rakaman itu memperlihatkan bahagian dalam punggung mangsa tanpa pengetahuan atau persetujuannya.

Pemeriksaan lanjut terhadap telefon bimbit tertuduh turut menemui banyak rakaman video lain yang memfokuskan bahagian punggung dan belakang badan wanita lain.

Tertuduh turut mengaku mempunyai tabiat merakam video sedemikian.

Dalam rayuan pengurangan hukumannya, peguam bela Fung Lee Fook yang mewakili tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan tertuduh iaitu seorang jurutera kanan di sebuah syarikat, merupakan pesalah kali pertama.

"Tertuduh menyesali perbuatannya dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan itu. Dia juga mengaku bersalah sekali gus menjimatkan



KE PENJARA: Tertuduh (tengah) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret semalam selepas dijatuhkan hukuman.

masa serta kos mahkamah," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng bagaimanapun memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang bersifat pencegahan demi kepentingan awam dengan berhujah bahawa kepentingan melindungi masyarakat mengatasi faktor-faktor rayuan yang dikemukakan pihak pembelaan.

"Kuching Food Festival merupakan lokasi orang ramai menikmati makanan dan budaya disamping menyumbang kepada ekonomi tempatan.

"Ia tidak sepatutnya diek-

splotasi oleh tertuduh untuk melakukan kesalahan sedemikian dalam keadaan orang ramai yang sesak," katanya.

Chuah turut berhujah bahawa mangsa kes ini bukan mangsa pertama tertuduh memandang pemeriksaan terhadap telefon bimbit tertuduh menemui banyak rakaman video yang memfokuskan bahagian punggung dan belakang badan wanita lain.

"Ini jelas menunjukkan tertuduh merupakan pesalah yang melakukan perbuatan sedemikian secara berulang," katanya.